

Pertandingan Mencipta Video Pendek Kesedaran Penipuan Kewangan

Adakah awda sedar mengenai penipuan kewangan? Ia adalah penipuan yang melibatkan simpanan, penghantaran wang dan transaksi kredit kad. Walaupun di antara penipuan kewangan adalah jelas berunsurkan penipuan, masih ramai yang telah menjadi mangsa.

- 1. Skim Cepat Kaya:** skim atau pelan yang menawarkan pulangan atau dividen yang tinggi melebihi kadar pulangan yang lazimnya diberikan oleh institusi kewangan yang berlesen.

Fokus skim ini adalah bagi mendapatkan simpanan melalui pengambilan ahli-ahli tanpa sebarang produk yang sah atau jenis produk yang kurang jelas seperti token atau komoditi kepada pasaran, atau melalui jualan dengan janji pulangan wang yang mudah dalam masa yang pendek. Skim-skim yang dimaksudkan adalah seperti di bawah:

- Skim *Ponzi*
- Skim *Pirramid*
- Pelaburan Emas
- Pelaburan *Land Banking*
- Pelaburan *Forex Trading*

- 2. Penipuan Kad Kredit:** Pelaku akan berpura-pura menjadi pegawai bank dan menghubungi mangsa untuk meminta maklumat sulit kad kredit dengan alasan bagi tujuan pengesahan atau kononnya kredit kad tersebut terlibat dengan satu kesalahan jenayah. Tanpa diketahui oleh mangsa, maklumat tersebut sudah mencukupi untuk pelaku mengendalikan transaksi di atas talian.
- 3. Penipuan Tawaran Kerja:** Pelaku berpura-pura menawarkan pekerjaan dalam organisasi mereka. Walau bagaimanapun, untuk mendapatkan jawatan tersebut, mangsa dimestikan untuk membayar wang pendahuluan.
- 4. Loteri dan Pertandingan:** Pelaku menggunakan Sistem Pesanan ringkas (SMS) untuk menghantar pesanan kepada mangsa memaklumkan mereka telah memenangi hadiah daripada satu pertandingan yang dianjurkan oleh sebuah syarikat yang besar dan meminta bayaran masuk.
- 5. Penipuan Pewaris:** Pelaku berpura-pura menjadi peguam atau wakil bagi saudara jauh atau orang kaya yang meninggalkan harta warisan yang berjumlah besar biasanya dalam bentuk wang yang mana akan diagihkan kepada mereka mengikut peratus yang telah dipersetujui.
- 6. Penipuan Cinta Internet:** Dengan menggunakan profil palsu, pelaku memperdayakan mangsa dengan berpura-pura mengembangkan hubungan intim dan peribadi dengan mangsa.

Pendidikan dan kesedaran adalah penting untuk membantu orang ramai daripada terpedaya dengan penipuan kewangan seperti di atas. Tunjukkan sokongan dan kreativiti awda dengan mencipta video pendek mengenai kesedaran penipuan kewangan!

Hadiah

KATEGORI TERBUKA
Hadiah Pertama BND 1,200 GoPro Hero 4 Silver Edition
Hadiah Kedua

BND 900
Sony HDR-MVI Handycam
Hadiah Ketiga
BND 600
Sony HDR-AS30V

KATEGORI PELAJAR
Hadiah Pertama BND 1,000
Hadiah Kedua BND 750
Hadiah Ketiga BND 500

Nota: AMBD berhak untuk menukarkan hadiah pada bila-bila masa.

Keterangan Pertandingan

Dua kategori:

- **Kategori terbuka:** Rakyat atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam berumur 18 tahun ke atas
- **Kategori pelajar:** Rakyat atau Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam yang sedang belajar di kolej tingkatan enam, universiti dan institusi pendidikan tinggi yang lain
- Pertandingan ini boleh disertai secara individu atau berkumpulan tidak melebihi 5 peserta

Bahasa Video:

- Bahasa Melayu dengan sari kata Bahasa Inggeris; atau
- Bahasa Inggeris dengan sari kata Bahasa Melayu

Tempoh Video

- Tidak melebihi 3 minit

Tema Video

- Reka bentuk dan jalan cerita video awda adalah bebas
- Video mestilah menunjukkan sekurang-kurangnya salah satu penipuan kewangan seperti di atas dengan jelas dan kreatif
- Setiap video mestilah memasukkan maklumat mengenai AMBD atau penggunaan aplikasi telefon pintar AMBD

Penyerahan

- Awda boleh menyerahkan video lengkap menggunakan DVD atau CD serta borang pendaftaran di alamat berikut:

Autoriti Monetari Brunei Darussalam
 Tingkat 14, Bangunan Kementerian Kewangan,
 Commonwealth Drive,
 Bandar Seri Begawan BB3910
 Negara Brunei Darussalam

Tarikh terakhir bagi menyerahkan video:

Jumaat, 30hb Oktober 2015
Sebelum jam 3.00 petang

Muat turun borang pendaftaran di sini!

Kriteria Pemilihan Pemenang

Pemenang akan dipilih mengikut kriteria di bawah:

- Pematuhan tema: Tema disampaikan dengan jelas dan kreatif
- Keaslian dan kreativiti: Unik dan tidak diambil dari idea orang lain. Penyampaian tema adalah asli dan mudah diterima.
- Kesan kepada penonton: Boleh menyampaikan mesej kesedaran secara berkesan terutamanya kepada orang awam.
- Keseluruhan pembinaan: Menunjukkan rangka dan kandungan yang berhati-hati, cerita yang jelas dan mudah difahami, serta tersusun dan fokus.
- Teknik visual: Visual video adalah menarik kepada penonton mengikut teknik dan kesan video yang sesuai.
- Teknik audio: Pilihan lagu atau muzik, kesan bunyi dan penyuaran yang jelas dan sesuai.

Terma dan Syarat

1. Pegawai dan Kakitangan AMBD, keluarga terdekat para hakim serta mana-mana pihak yang berkaitan dalam melaksanakan pertandingan ini adalah tidak layak untuk menyertai pertandingan ini.
2. Hanya satu kategori dari dua kategori di atas sahaja yang boleh disertai.
3. Penyerahan mesti mematuhi kesemua keperluan yang terkandung dalam Keterangan Pertandingan di atas.
4. Segala hak cipta dalam video adalah milik peserta akan tetapi dengan menyertai pertandingan ini, peserta memberi hak sepenuhnya bagi pihak AMBD untuk menggunakan dan mengedarkan video.
5. Tiada pembayaran pendaftaran diperlukan untuk menyertai pertandingan ini.
6. Peserta mengesahkan bahawa video mereka tidak melanggar sebarang hak cipta yang ada.
7. AMBD berhak untuk mengubah atau membatalkan pertandingan dan terma dan syarat pertandingan ini tanpa sebarang notis. Sebarang perubahan kepada pertandingan ini akan dimaklumkan kepada orang ramai.
8. AMBD tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang butiran hadiah yang kurang tepat yang diberikan oleh pihak ketiga kepada peserta berkenaan dengan pertandingan ini.
9. Hadiah adalah tertakluk kepada keadaan dan AMBD berhak untuk menukar hadiah tanpa sebarang notis.
10. Pemenang akan dipilih mengikut kriteria yang disebutkan di atas dan akan dihakimkan oleh 3 hakim dari AMBD dan 3 hakim jemputan.
11. Pemenang akan dimaklumkan melalui e-mel atau telefon dalam masa 28 hari selepas tarikh tutup. Jika pemenang tidak dapat dihubungi atau tidak memberi maklum balas dalam 14 hari selepas pemberitahuan, AMBD berhak untuk menarik balik hadiah daripada pemenang dan diganti dengan pemenang lain.
12. AMBD akan memaklumkan kepada pemenang bila dan di mana penyampaian hadiah akan diadakan.
13. Keputusan AMBD mengenai segala perkara berkenaan dengan pertandingan ini adalah muktamad dan rundingan tidak akan dilayan.
14. Pemenang setuju kepada penggunaan nama dan imej pemenang ke dalam mana-mana bahan publisiti.
15. Penyertaan pertandingan ini akan dianggap sebagai penerimaan kepada terma dan syarat di atas.
16. Pertandingan ini sama sekali tidak ditaja, disahkan atau ditadbir oleh, atau berkaitan dengan, YouTube, Brunei Press, Brunei Times, Pelita Brunei, Ranoadidas.com, Instagram dan media lain. Peserta hanya memberikan maklumat kepada AMBD dan tidak kepada pihak yang lain.